
BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 112A Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2019 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di DUN Sabah pada 13 Disember 2021.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Pada tahun 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah belum diadakan kerana ahli baharu belum dilantik berikutan pembentukan Kerajaan negeri yang baharu selepas Pilihan Raya Umum DUN Sabah ke-16 dan pelaksanaan Proklamasi Darurat berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021.

2.2. Pada tahun 2022, ahli baharu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah telah dilantik, bagaimanapun mesyuarat belum diadakan.